Termometer ini bukan dimaksudkan untuk bayi pramasa atau bayi yang kecil untuk umur gestasi. Pramasa ditakrifkan sebagai bayi yang berumur yang kurang dari 37 minggu mengikut kalendar. Kecil untuk umur gestasi ditakrifkan sebagai bayi yang dilahirkan pada 37 minggu atau kemudian, dengan berat di bawah persentil ke-10 untuk bayk daripada umur gestasi yang sama.

Termometer ini tidak dimaksudkan untuk menterjemahkan suhu hipotermik. Jika peranti memaparkan suhu 36.4 °C (97.5 °F) atau kurang dengan lampu belakang LED berwarna hijau atau putih, dan individu tersebut menunjukkan simptom atau kelakuan atipikal, hubungi Pakar perubatan atau profesional penjagaan kesihatan anda.

**JANGAN** benarkan kanak-kanak mengambil suhu mereka tanpa pengawasan.

Sila rujuk Pakar perubatan anda sekiranya anda melihat simptom seperti kerengsaan yang tidak tahu puncanya, muntah, cirit-birit, penyahhidratan, perubahan pada selera makan atau aktiviti, sawan, sakit otot, menggigil, leher kejeng, berasa sakit semasa membuang air kecil, dsb. walaupun tidak demam.

Walaupun tiada demam, mereka yang menunjukkan suhu biasa mungkin masih perlu menerima perhatian perubatan. Mereka yang sedang mengambil antibiotik, analgesik atau antipiretik tidak harus dinilai hanya pada bacaan suhu untuk menentukan ketenatan penyakit mereka.

**JANGAN** ubah suai peralatan ini tanpa kebenaran pengilangnya.

## Mengapa Tanpa sentuh + dahi Braun?

### Pengukuran suhu dalam masa 2 saat

Teknologi inframerah inovatif membolehkan pengukuran suhu dahi dalam masa bawah 2 saat sama ada anda menggunakan pilihan dahi atau tanpa sentuh.



### Tepat dan boleh dipercayai


Disebabkan oleh teknologi unik, termometer Tanpa sentuh + dahi menangkap haba yang terhasil secara semula jadi oleh dahi untuk mengira nilai suhu badan. Dapatkan ketepatan profesional yang sama sama ada dengan menyentuh dahi anda atau memegang ke atas dari jawak sehingga 2.5 cm (1 inci).



### Mudah diguna

Termometer Tanpa sentuh + dahi adalah tidak invasif. Ukuran boleh diambil meskipun kanak-kanak itu sedang tidur.

Termometer Tanpa sentuh + dahi adalah lebih selamat untuk digunakan pada kanak-kanak daripada termometer rektum dan lebih mudah diguna daripada kaedah lain.



### Selamat dan bersih

Pilihan tanpa sentuh membantu mengurangkan penyebaran kuman.

Selamat sepenuhnya untuk digunakan ke atas kanak-kanak dan orang dewasa.

## Bagaimanakah Tanpa sentuh + dahi Braun itu berfungsi?

Termometer Tanpa sentuh + dahi mengukur tenaga inframerah yang dihasilkan daripada kulit di bahagian tengah. Tenaga yang diperoleh dikumpulkan melalui kanta dan ditukar kepada nilai bersamaan lisan.

**Termometer Tanpa sentuh + dahi telah diuji secara klinikal dan telah terbukti selamat dan tepat apabila digunakan mengikut manual arahan operasinya.**

1. A traditional forehead product without any optical system to capture radiated heat.

## Paparan berkod warna AgeSmart™

Penyelidikan klinikal menunjukkan definisi demam berubah apabila bayi yang baru lahir membesar menjadi kanak-kanak dan kanak-kanak membesar menjadi orang dewasa<sup>1</sup>.

Pilih tetapan umur yang sesuai, ambil suhu, dan paparan akan menyalakan warna hijau, kuning atau merah untuk menunjukkan sama ada suhu masing-masing adalah dalam julat biasa, demam, atau demam tinggi.

Peranti ini hanya dimaksudkan untuk mengukur suhu badan manusia. Peranti ini tidak dimaksudkan untuk mendiagnosis atau memantau keadaan perubatan atau penyakit yang serius. Peranti ini juga mempunyai mod makanan/mandi.

1. Herzog L., Phillips S. Addressing Concerns About Fever. *Clinical Pediatrics*. 2011; 50 (#5): 383-390.

## Panduan mengambil suhu

Penting untuk mengetahui suhu biasa setiap individu ketika mereka sihat. Ini adalah satu-satunya cara untuk mendiagnosis demam dengan tepat. Ambil berbilang bacaan semasa sihat untuk menentukan suhu yang biasa.

Suhu biasa kanak-kanak boleh jadi setinggi 37.7 °C (99.9 °F) atau serendah 36.1 °C (97.0 °F). Pastikan unit ini memberikan bacaan 0.5 °C (0.9 °F) lebih rendah daripada ukuran digital rektum.

Termometer perlu menyesuaikan dengan suhu bilik selama 10 minit sebelum mengambil ukuran.

Individu yang diukur suhunya harus berada di dalam bangunan selama 30 minit sebelum mengambil ukuran. Suhu luar boleh memberi kesan kepada suhu kulit.

Jika individu berada di dalam lokasi yang lebih sejuk atau lebih panas daripada tempat termometer itu akan digunakan, ia akan memberi kesan kepada ketepatan bacaan.

**SENTIASA** pegang termometer dan dahi dengan stabil semasa mengambil bacaan. **JANGAN** alihkan termometer sehingga anda mendengar bunyi bip akhir. **JANGAN** ambil ukuran semasa atau seurus selepas menyusukan bayi.

Individu tidak sepatutnya minum, makan atau aktif secara fizikal sebelum/semasa mengambil ukuran.

Tanggalkan topi dan tunggu selama 10 minit sebelum mengambil ukuran.

Sebelum mengambil ukuran, bersihkan habuk atau rambut dari kawasan dahi. Tunggu selama 10 minit selepas membersihkan sebelum mengambil ukuran.

**SENTIASA** ambil suhu betul-betul seperti yang diarahkan. Keputusan suhu mungkin berbeza-beza jika diletakkan di lokasi yang salah.

Untuk individu yang mengukur suhu mereka sendiri, mereka disyorkan agar



menggunakan pilihan “dahi” dan bukan “tanpa sentuh.”

Dalam situasi yang berikut, tiga suhu di lokasi yang sama disyorkan agar diambil dan bacaan yang tertinggi diambil sebagai bacaannya:

- Bayi baru lahir dalam masa 100 hari pertamanya.
- Kanak-kanak bawah umur tiga tahun yang mengalami sistem imun yang dikompromi dan bagi mereka yang kritikal perlu tahu sama ada mereka demam atau tidak.
- Apabila pengguna sedang belajar cara menggunakan termometer buat pertama kali sehingga beliau telah biasa dengan instrumen tersebut dan memperoleh bacaan yang konsisten.


#### Langkah berjaga-jaga am:

- Bersihkan mana-mana peluh dengan kain yang kering sebelum mengukur.
- Elakkan apa-apa pakaian yang menyejukkan atau menghangatkan pada dahi selama sekurang-kurangnya 30 minit sebelum pengukuran.
- **JANGAN** ambil ukuran suhu di atas tisu parut, luka terbuka atau abrasi.
- Pastikan sensor dan kata ukuran dalam keadaan bersih. Elakkan daripada menyentuh sensor dan kanta secara langsung.
- **SENTIASA** simpan termometer dengan penutup pelindung untuk mencegah debu dan calar daripada merosakkan peranti.
- Pastikan untuk menanggalkan penutup pelindung sebelum mengambil ukuran dan untuk memasang semula penutupnya selepas menggunakan termometer.

## Cara menggunakan termometer Tanpa sentuh + dahi Braun anda

**Nota: Termometer dan Individu hendaklah berada di dalam suhu ambien yang sama selama sekurang-kurangnya 10 minit.**


### 1 Tanggalkan penutup pelindung



### 2 Kuasa dihidupkan

Tekan dan lepaskan butang kuasa satu kali. Lampu belakang akan menyala dan jujukan permulaan bermula.

**NOTA:** Pastikan penutup pengimbas pelindung ditanggalkan sebelum mengambil ukuran.



### 3 Pilih julat umur

Pilih umur dengan butang AgeSmart™.

Peranti akan mula mengitarikan julat umur, menyerlahkan 3 julat yang anda boleh pilih; 0-3 bulan (🐣), 3-36 bulan (👶), atau 36+ bulan (👤).

Tekan butang AgeSmart™ untuk togol melalui julat umur sehingga anda memilih umur yang sesuai untuk individu tersebut.

#### Untuk menetapkan julat umur yang diutamakan: (Mengunci tetapan umur)

Untuk menyimpan julat umur yang diutamakan, agar julat umur yang diutamakan itu akan dipilih secara automatik apabila termometer DIHIDUPKAN, ikut langkah ini:

A. Pastikan termometer DIMATIKAN.

B. Tekan dan tahan butang kuasa (⏻) dan butang AgeSmart™ (Ⓜ) selama 4 saat. Unit akan dihidupkan, memaparkan lampu belakang berwarna kuning dan 3 ikon julat umur akan berkelip.

C. Tekan butang AgeSmart™ (Ⓜ). Julat umur yang dipilih akan berkelip. Tekan butang AgeSmart™ sehingga julat umur yang anda ingini dinyalakan pada paparan.

D. Setelah julat umur yang diinginkan dipilih, berhenti menekan butang dan tunggu selama 3 saat. Lampu belakang berwarna hijau akan menyala, dan julat umur yang dipilih akan menjadi padu. Selepas 4 saat, termometer akan dimatikan.

E: Julat umur yang diutamakan akan dipilih secara automatik apabila termometer DIHIDUPKAN.

Nota: Dengan julat umur yang diutamakan, julat umur alternatif boleh dipilih semasa setiap penggunaan, dengan menekan butang AgeSmart™ apabila ikon julat umur dipaparkan, selepas termometer DIHIDUPKAN.

F. Untuk mengalih keluar julat umur yang diutamakan, buka pintu bateri, tanggalkan bateri, tunggu selama 30 saat dan masukkan semula bateri tersebut.

**PENTING:** Untuk memastikan bacaan yang tepat, anda mesti sentiasa mengambil bacaan suhu dalam julat umur yang sepadan dengan umur individu.




#### 4 Kedudukan

Letakkan termometer pada atau sehingga 2.5 cm (1 inci) jauh dari tengah dahi, betul-betul di tengah bulu kening.

Apabila termometer telah sedia dan berada pada atau 2.5 cm (1 inci) jauh dari dahi. Garis putus-putus mendatar ("---") akan muncul pada skrin.

Untuk bacaan Tanpa sentuh, lampu pandu kuning akan menunjukkan tempat yang anda tuju.



Jika kawasan bulu kening ditutupi rambut, peluh atau debu, sila bersihkan kawasan itu terlebih awal untuk meningkatkan ketepatan bacaan. Adalah penting untuk memegang termometer dan dahi dengan kukuh semasa mengambil ukuran. Pergerakan akan memberi kesan ke atas bacaan suhu.

#### 5 Ambil suhu

Tiga garis putus-putus bermakna termometer sudah bersedia untuk mengambil suhu. Tekan butang suhu. Paparan akan menunjukkan animasi garis putus-putus semasa mengambil suatu bacaan. Setelah bacaan selesai, bip pengesahan akan kedengaran dan warna lampu demam yang bersesuaian akan dipaparkan pada skrin.



Jika peranti diletakkan terlalu jauh dari dahi, peranti itu akan memberi isyarat agar bergerak lebih hampir dengan memaparkan hurufnya "0 - 2 cm." Alihkan peranti dengan perlahan-lahan ke arah dahi sehingga animasi garis putus-putus dimulakan dan bacaan dipaparkan.

## 6 Baca suhu

Jika suhu berada dalam julat biasa, bip yang lama akan berbunyi apabila pengukuran telah selesai. Jika suhu berada dalam julat demam, 10 bip pendek akan berbunyi untuk menandakan pengukuran telah selesai.

|                          |                                                                                        |                                                                                   |                                                           |
|--------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
|                          |                                                                                        |                                                                                   |                                                           |
| <b>Julat usia</b>        | <b>Hijau</b><br>Suhu normal                                                            | <b>Kuning</b><br>Demam sederhana                                                  | <b>Merah</b><br>Demam tinggi                              |
| <b>0*-3 Bulan</b>        | $\geq 35.8 - \leq 37.4^{\circ}\text{C}$<br>( $\geq 96.4 - \leq 99.4^{\circ}\text{F}$ ) |                                                                                   | $> 37.4^{\circ}\text{C}$<br>( $> 99.4^{\circ}\text{F}$ )  |
| <b>3-36 Bulan</b>        | $\geq 35.4 - \leq 37.6^{\circ}\text{C}$<br>( $\geq 95.7 - \leq 99.6^{\circ}\text{F}$ ) | $> 37.6 - \leq 38.5^{\circ}\text{C}$<br>( $> 99.6 - \leq 101.3^{\circ}\text{F}$ ) | $> 38.5^{\circ}\text{C}$<br>( $> 101.3^{\circ}\text{F}$ ) |
| <b>36 Bulan - dewasa</b> | $\geq 35.4 - \leq 37.7^{\circ}\text{C}$<br>( $\geq 95.7 - \leq 99.9^{\circ}\text{F}$ ) | $> 37.7 - \leq 39.4^{\circ}\text{C}$<br>( $> 99.9 - \leq 103.0^{\circ}\text{F}$ ) | $> 39.4^{\circ}\text{C}$<br>( $> 103.0^{\circ}\text{F}$ ) |


\* 0 bulan ditakrifkan sebagai umur gestasi yang lebih daripada atau sama dengan 37 minggu kalender semasa kelahiran.

## 7 Untuk mematikan

Tekan butang kuasa untuk mematikan. Peranti akan dimatikan secara automatik selepas 30 saat tidak digunakan.

## Cara menggunakan tetapan Tanpa sentuh untuk mengambil suhu makanan/mandian

### 1 Tanggalkan penutup pelindung



### 2 Kuasa dihidupkan

Tekan dan lepaskan butang kuasa satu kali. Lampu belakang akan menyala dan jujukan permulaan bermula.

NOTA: Pastikan penutup pengimbas pelindung ditanggalkan sebelum mengambil ukuran.




### 3 Pilih mod suhu makanan & mandian

Tekan dan lepaskan butang mod makanan & mandian.

Bip akan berbunyi, ikon makanan & mandian (🍲) akan dipaparkan, lampu belakang

skrin akan bertukar biru dan tiga garis putus-putus akan dipaparkan pada skrin untuk menunjukkan termometer telah bersedia untuk mengambil suhu.



### 4 Kedudukan

Letakkan peranti sehingga 6 cm (2.5 inci) jauh dari air mandian atau makanan.

**Nota:** Semasa mengukur suhu makanan atau mandian, termometer mesti diacukan terus pada makanan atau air mandian. **JANGAN**

acukan ke sisi bekas yang menyimpan cecair atau makanan. **JANGAN** sentuh cecair atau makanan dengan termometer.



### 5 Ambil suhu

Tekan butang suhu (anda boleh menekan dan menahan butang atau menekan dan melepaskannya.) Paparan akan menunjukkan animasi garis putus-putus semasa mengambil bacaan. Setelah bacaannya selesai, paparan akan menunjukkan bacaan suhu.





### 6 Baca suhu

Alihkan peranti dan baca suhunya.



## Menukar skala suhu

- 1 Buka petak bateri dan tanggalkan bateri.
- 2 Suis °C / °F boleh dicapai di dalam petak bateri.
- 3 Luncurkan suis ke °C atau °F untuk menetapkan skala suhu yang diutamakan.
- 4 Gantikan bateri dan tutup pintu bateri.




Celsius

Fahrenheit

## Menukar mod bunyi

Termometer Tanpa sentuh + dahi akan membolehkan anda untuk menyenyapkan bip pada termometer untuk mengelakkan mengejutkan kanak-kanak yang sedang tidur. Untuk mengaktifkan ciri senyap, luncurkan suis ke kedudukan mod senyap dan ambil bacaan suhu. Ikon akan muncul pada skrin untuk menunjukkan bahawa termometer berada dalam mod senyap.



## Penentuan



Pada peringkat awal, termometer ditentukan sewaktu dikilangkan. Jika termometer ini digunakan mengikut arahan penggunaan, pelarasan semula secara berkala tidak diperlukan. Jika pada bila-bila masa anda mempersoalkan ukuran suhunya, sila hubungi khidmat pelanggan.

LOT dan SN peranti anda terletak di dalam petak bateri.

Tarikh pengilangan diberikan oleh nombor LOT. Tiga (3) angka pertama selepas LOT mewakili tarikh Julian bahawa produk tersebut telah dikilangkan dan dua (2) angka yang berikutnya mewakili dua nombor terakhir tahun kalendar produk tersebut dikilangkan. Pengecam terakhir ialah huruf-huruf yang mewakili pengilang.

Contoh: produk ini telah dikilangkan pada hari ke-116 tahun 2014.

## Ralat dan penyelesaian masalah

| Mesej ralat                                                                        | Situasi                                                                                                                                                                                                                    | Penyelesaian                                                                                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    | Apabila tinggal 20% daripada hayat bateri, paparan akan mengelipkan simbol amaran bateri rendah; namun, peranti masih boleh berfungsi sehingga bateri mempunyai baki 0%.                                                   | Gantikan bateri.                                                                                                                                                                                                               |
|    | Jika ikon bateri yang stabil merupakan satu-satunya simbol yang ditunjukkan pada paparan, peranti tidak boleh berfungsi. Bateri harus digantikan segera.                                                                   | Gantikan bateri.                                                                                                                                                                                                               |
|    | Mesej ini dipaparkan apabila suhu yang diukur adalah lebih rendah daripada 34 °C (93.2 °F) atau lebih tinggi daripada 43 °C (109.4 °F) atau apabila suhu bilik di luar julat operasi iaitu 15 °C – 40 °C (59 °F – 104 °F). | Ukur semula suhu dengan mengikut arahan berikut dengan teliti dalam bahagian "Cara penggunaan".                                                                                                                                |
|    | Ralat sistem – paparan periksa sendiri berkelip secara berterusan dan tidak akan diikuti dengan bip bersedia dan simbol bersedia.<br><br>Jika ralat berlarutan,<br><br>Jika ralat masih berlarutan,                        | Tunggu 1 minit sehingga termometer dimatikan secara automatik, kemudian hidupkannya semula.<br><br>... tetap semula termometer dengan mengeluarkan bateri dan memasukkannya semula.<br><br>... sila hubungi Khidmat Pelanggan. |
|  | Paparan kosong. Termometer tidak mempunyai kuasa.                                                                                                                                                                          | Sila periksa sama ada bateri telah dimasukkan dengan betul. Periksa juga kekutuban (<+> dan <->) bateri.<br><br>Hubungi khidmat pelanggan jika termometer masih tidak berfungsi.                                               |

## Penjagaan dan pembersihan

Gunakan pengesat alkohol atau kapas kesat yang dilembapkan dengan alkohol (70% isopropil) untuk membersihkan bekas termometer dan prob pengukur. Pastikan bahawa tiada cecair memasuki bahagian dalam termometer. Jangan sekali-kali gunakan agen pembersihan, pencair atau benzena yang melelas dan jangan sekali-kali merendamkan instrumen dalam air atau cecair pembersihan lain. Tunggu selama 10 minit selepas pembersihan sebelum mengambil ukuran suhu.

Pastikan anda memasang semula penutup pelindung selepas penggunaan untuk mengelakkan calar dan kerosakan pada termometer.

Jangan sekali-kali memasukkan objek tajam ke dalam kawasan pengimbas atau mana-mana permukaan terbuka lain pada termometer.

## Menggantikan bateri

Termometer Tanpa sentuh + dahi disertakan dengan 2 bateri AAA. Gantikan dengan 2 bateri AAA baharu apabila simbol bateri berkelip muncul pada skrin LCD. Untuk menukar bateri, luncurkan penutup bateri untuk membuka dan keluarkan bateri. Gantikan bateri dengan memastikannya sejajar dengan seperti yang ditandakan di dalam petak bateri. Keluarkan bateri dari produk jika ia tidak diperlukan untuk tempoh masa yang panjang bagi mengelakkan kerosakan pada termometer daripada kuasa bateri yang bocor.



Untuk melindungi alam sekitar, lupuskan bateri yang kosong di pusat pungutan yang sesuai mengikut peraturan tempatan atau negara.

## Jaminan terhad

Produk ini disediakan dengan jaminan terhad yang bermula pada tarikh pembelian (Lihat kad jaminan untuk butiran). Dalam tempoh jaminan, kami akan menghilangkan, secara percuma, sebarang kerosakan pada peralatan akibat daripada kesilapan pada bahan atau kemahiran, dengan menggantikan peralatan sepenuhnya.

Jaminan ini hanya berkenaan untuk peralatan yang dibekalkan oleh pengedar yang dilantik. Jaminan ini tidak merangkumi: kerosakan disebabkan oleh penggunaan secara salah, lusuh atau penggunaan biasa serta kerosakan yang mempunyai kesan yang kecil ke atas nilai atau operasi peralatan tersebut. Jaminan ini batal jika kerja pembaikan dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai kebenaran dan sekiranya bahagian tulen Braun tidak digunakan.



## Spesifikasi produk

|                      |                                                                                                                                                                                                                                         |
|----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Taipkan:             | Tanpa Sentuh + termometer dahi (BNT 400)                                                                                                                                                                                                |
| Julat suhu:          | 34 °C – 43 °C (93.2 °F – 109.4 °F)                                                                                                                                                                                                      |
| Resolusi:            | 0.1 °C (0.1 °F)                                                                                                                                                                                                                         |
| Ketepatan makmal:    | 0.2 °C untuk 35 °C – 42 °C (0.4 °F untuk 95 °F – 107.6 °F)<br>di luar julat itu $\pm 0.3$ °C ( $\pm 0.5$ °F)<br>(Julat suhu sekitar: 15 °C – 40 °C (59 °F – 104 °F) )<br>Termometer ini memaparkan anggaran persamaan oral yang dikira. |
| Paparan:             | Paparan kristal cecair, 4 digit dan ikon istimewa                                                                                                                                                                                       |
| Akustik:             | Audio:<br>Julat suhu normal = Julat suhu Hijau: 1 bip panjang selama tempoh 0.4 saat<br>Demam = Julat suhu Merah atau Kuning: 10 bip pendek selama tempoh 0.2 saat<br>15°C – 40 °C (59 °F – 104 °F)                                     |
| Suhu operasi:        | Lebih kurang 30 saat selepas pengukuran terakhir telah diambil                                                                                                                                                                          |
| Penutupan automatik: |                                                                                                                                                                                                                                         |
| Berat:               | 100g. (dengan bateri), 82.5g. (tanpa bateri)                                                                                                                                                                                            |
| Hayat khidmat:       | 5 tahun                                                                                                                                                                                                                                 |

### **Julat penyimpanan jangka panjang**

|                              |                                                      |
|------------------------------|------------------------------------------------------|
| Suhu penyimpanan/pemindahan: | -25 °C – 55 °C (-13 °F – 131 °F)                     |
| Kelembapan:                  | 15 – 95% tidak meluap                                |
| Bateri:                      | (2) Bateri AAA – sekurang – kurangnya 500 pengukuran |
| Tekanan:                     | 700-1060 hPa (0.7-1.06 atm)                          |

Termometer inframerah ini memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Piawaian ASTM E 1965-98 (untuk sistem termometer). Tanggungjawab penuh untuk pematuhan produk terhadap piawaian dipikul oleh Kaz Europe Sàrl, a Helen of Troy Company, Place Chauderon 18, CH-1003 Lausanne, Switzerland

Keperluan ketepatan makmal ASTM untuk termometer sahaja dalam julat paparan 37 °C hingga 39 °C (98 °F hingga 102 °F) untuk termometer inframerah ialah  $\pm 0.2$  °C ( $\pm 0.4$  °F), manakala untuk termometer kaca dan elektronik, keperluan mengikut Piawaian ASTM E 667-86 dan E 1112-86 iaitu  $\pm 0.1$  °C ( $\pm 0.2$  °F).

Peralatan ini mematuhi standard yang berikut:

EN 60601-1:2014 Peralatan elektrik perubatan. Keperluan umum bagi keselamatan dan prestasi asas.

ASTM E1965-98:2016 - Spesifikasi Piawai untuk Termometer Inframerah bagi Penentuan Suhu Pesakit secara Berkala

ISO 80601-2-56:2017 Keperluan tertentu untuk keselamatan asas dan prestasi penting termometer klinikal bagi pengukuran suhu badan

IEC 60601-1-2:2014 Keperluan elektrik perubatan – Bahagian 1-2: Keperluan umum untuk keselamatan dan prestasi asas – Piawaian Kolateral: Keserasian elektro magnetik – Keperluan dan ujian.

NOTA: Jangan gunakan peranti ini dengan kehadiran elektromagnetik dan gangguan lain yang di luar julat normal yang ditentukan dalam IEC 60601-1-2:2014.

EN 1041: 2008 Maklumat yang dibekalkan oleh pengilang peranti perubatan.

IEC 60601-1-11:2015 Keperluan elektrik perubatan – Bahagian 1-11: Keperluan umum untuk keselamatan dan prestasi asas – Piawaian kolateral: Keperluan untuk peralatan elektrik perubatan dan sistem elektrik perubatan yang digunakan dalam persekitaran penjagaan kesihatan di rumah.



Peralatan dengan bahagian sentuhan jenis BF



Lihat Cara penggunaan



Suhu operasi



Suhu simpanan



Pastikannya kering

## Peralatan Dikuasakan Dari Dalam

### Operasi Berterusan

IP22: Dilindungi daripada objek asing pepejal dengan diameter 12.5 mm dan lebih besar. Dilindungi terhadap penurunan air jatuh secara menegak apabila peranti dimiringkan sehingga 15 darjah.

Peralatan elektrik perubatan memerlukan langkah berjaga-jaga khas mengenai EMC.

Untuk penerangan terperinci tentang keperluan EMC, sila hubungi Hubungan Pengguna.

Peralatan komunikasi RF mudah alih dan bimbit boleh menjejaskan PERALATAN ELEKTRIK PERUBATAN.

Keluarkan bateri dari instrumen jika ia tidak diperlukan untuk tempoh yang lama untuk mengelakkan kerosakan pada termometer akibat daripada bateri yang bocor.



Jangan lupuskan produk dalam sisa rumah pada akhir hayat penggunaannya.



Untuk melindungi alam sekitar, lupuskan bateri yang kosong di pusat pungutan yang sesuai mengikut peraturan tempatan atau negara.

## Panduan dan perisytiharan pengilang – imuniti elektro magnetik

BNT400 dimaksudkan untuk digunakan dalam persekitaran elektro magnetik yang dinyatakan di bawah. Pelanggan atau pengguna BNT400 harus memastikannya digunakan dalam persekitaran seperti itu.

| Fenomenon                                           | Standard EMC asas atau kaedah ujian | TAHAP UJIAN IMUNITI                                                                        |
|-----------------------------------------------------|-------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                     |                                     | PERSEKITARAN KESIHATAN RUMAH                                                               |
| Discaj elektrostatik                                | IEC 61000-4-2                       | $\pm 8$ kV sentuh<br>$\pm 2$ kV, $\pm 4$ kV, $\pm 8$ kV, $\pm 15$ kV udara                 |
| RF yang dipancarkan EM <sup>a)</sup>                | IEC 61000-4-3                       | 10 V/m <sup>f)</sup><br>80 MHz – 2,7 GHz <sup>b)</sup><br>80 % AM pada 1 kHz <sup>c)</sup> |
| Medan jarak dari peralatan komunikasi wayarles RF   | IEC 61000-4-3                       | Lihat jadual imuniti peralatan komunikasi wayarles RF di bawah                             |
| Medan magnet frekuensi kuasa RATED <sup>d) e)</sup> | IEC 61000-4-8                       | 30 A/m <sup>g)</sup><br>50 Hz atau 60 Hz                                                   |

a) Antara muka di antara simulasi isyarat fisiologi PESAKIT, jika digunakan, dan PERALATAN ME atau SISTEM ME hendaklah terletak dalam 0,1 m dari satah menegak kawasan medan seragam dalam satu orientasi PERALATAN ME atau SISTEM ME.

b) PERALATAN ME dan SISTEM ME yang sengaja menerima tenaga elektromagnet RF untuk tujuan operasinya akan diuji pada frekuensi penerimaan. Ujian boleh dilakukan pada frekuensi modulasi lain yang dikenal pasti oleh PROSES PENGURUSAN RISIKO. Ujian ini menilai KESELAMATAN ASAS dan PRESTASI PERLU dari penerima yang disengajakan apabila isyarat ambient berada dalam jalur lulus. Difahamkan bahawa penerima mungkin tidak dapat menerima penerimaan biasa semasa ujian.

c) Ujian boleh dilakukan pada frekuensi modulasi lain yang dikenal pasti oleh PROSES PENGURUSAN RISIKO.

d) Hanya terpakai kepada PERALATAN ME dan SISTEM ME dengan komponen atau litar yang sensitif magnet.

e) Semasa ujian, PERALATAN ME atau SISTEM ME boleh dikuasakan pada sebarang voltan input NOMINAL, tetapi dengan frekuensi yang sama dengan isyarat ujian (lihat Jadual 1).

f) Sebelum modulasi digunakan.

g) Tahap ujian ini mengandaikan jarak minimum antara PERALATAN ME atau SISTEM ME dan sumber medan magnet frekuensi kuasa sekurang-kurangnya 15 cm. Jika ANALISIS RISIKO menunjukkan bahawa PERALATAN ME atau SISTEM ME akan digunakan lebih dekat daripada 15 cm ke sumber medan magnet frekuensi kuasa, TAHAP UJIAN IMUNITI hendaklah diselaraskan sesuai dengan jarak minimum yang diharapkan.

## Panduan dan perisytiharan pengilang – pancaran elektro magnetik

Peralatan BNT400 bertujuan untuk digunakan dalam persekitaran elektro magnetik yang dinyatakan di bawah ini.

Pelanggan atau pengguna BNT400 harus memastikannya digunakan dalam persekitaran seperti itu.

| Ujian Pancaran                        | Pematuhan       | Persekitaran elektro magnetik - panduan                                                                                                                                                                     |
|---------------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pancaran RF CISPR 11                  | Kumpulan 1      | Peralatan ME menggunakan tenaga RF sahaja untuk fungsi dalamnya. Oleh itu, pancaran RF adalah sangat rendah dan tidak mungkin akan menyebabkan sebarang gangguan pada peralatan elektronik yang berdekatan. |
| Pancaran RF CISPR 11                  | Kelas B         | Mematuhi                                                                                                                                                                                                    |
| Pancaran harmoni IEC 61000-3-2        | Tidak Berkenaan | Peralatan ME hanya dikuasai oleh bateri.                                                                                                                                                                    |
| Turun naik voltan / pancaran kerlipan | Tidak Berkenaan |                                                                                                                                                                                                             |

# Panduan dan perisytiharan pengilang – Imuniti peralatan komunikasi wayarles RF

| Frekuensi ujian (MHz) | Jalur <sup>a)</sup> (MHz) | Perkhidmatan <sup>a)</sup>                                       | Modulasi <sup>b)</sup>                       | Kuasa maksimum (W) | Jarak (m) | Tahap ujian imuniti (V/m) |
|-----------------------|---------------------------|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|--------------------|-----------|---------------------------|
| 385                   | 380 – 390                 | TETRA 400                                                        | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 18 Hz            | 1,8                | 0,3       | 27                        |
| 450                   | 430 – 470                 | GMRS 460, FRS 460                                                | FM <sup>c)</sup> ± 5 kHz sisihan 1 kHz sinus | 2                  | 0,3       | 28                        |
| 710                   | 704 – 787                 | Jalur LTE 13, 17                                                 | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 217 Hz           | 0,2                | 0,3       | 9                         |
| 745                   |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 780                   |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 810                   | 800 – 960                 | GSM 800/900, TETRA 800, iDEN 820, CDMA 850, Jalur LTE 5          | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 18 Hz            | 2                  | 0,3       | 28                        |
| 870                   |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 930                   |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 1 720                 | 1 700 – 1 990             | GSM 1800; CDMA 1900; GSM 1900; DECT; Jalur LTE 1, 3, 4, 25; UMTS | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 217 Hz           | 2                  | 0,3       | 28                        |
| 1 845                 |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 1 970                 |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 2 450                 | 2 400 – 2 570             | Bluetooth, WLAN, 802.11 b/g/n, RFID 2450, Jalur LTE 7            | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 217 Hz           | 2                  | 0,3       | 28                        |
| 5 240                 | 5 100 – 5 800             | WLAN 802.11 a/n                                                  | Modulasi nadi <sup>b)</sup> 217 Hz           | 0,2                | 0,3       | 9                         |
| 5 500                 |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |
| 5 785                 |                           |                                                                  |                                              |                    |           |                           |

<sup>a)</sup> Untuk sesetengah perkhidmatan, hanya frekuensi taut naik disertakan.

<sup>b)</sup> Pembawa hendaklah dimodulasi menggunakan 50% isyarat gelombang segi empat sama kitar tugas.

<sup>c)</sup> Sebagai alternatif kepada modulasi FM, 50% modulasi nadi 18 Hz boleh digunakan kerana walaupun ia tidak mewakili modulasi sebenar, ia boleh menjadi kes terburuk.